

24/10/1998

Sukan permotoran dapat faedah besar

SUKAN motor dijangka mendapat faedah besar daripada Belanjawan 1999 selain menjadikannya antara sukan yang harus mendapat lebih perhatian di negara ini.

Penganjur dan promoter perlumbaan, terutamanya, mendapat manfaat daripada cadangan kerajaan untuk meningkatkan pendapatan mereka setiap kali menganjurkan sebarang perlumbaan.

Ini termasuk pengecualian cukai sebanyak 50 peratus ke atas pendapatan yang diperolehi menerusi penganjuran perlumbaan seperti Formula Satu (F-1) dan lain-lain acara sukan motor yang diiktiraf dan diadakan di Malaysia.

Oh Kah Beng dari Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) berkata pengecualian yang diberikan dapat memberi faedah sama ada kepada peserta atau promoter perlumbaan.

Dia yang juga Timbalan Pengurus Besar Pemasaran Lotus Asia Pasifik berkata cukai yang dikurangkan menerusi pengecualian itu akan melenyapkan kebimbangan penganjur setiap kali berdepan kerugian yang sememangnya ingin dielakkan.

"Pengecualian ini begitu menggalakkan dan promoter perlu menarik nafas lega kerana tidak perlu lagi mengeluarkan belanja besar dan dalam masa yang sama boleh mengharapkan keuntungan lebih serta dapat menjadikan acara bertambah menarik," katanya.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mencadangkan galakan pengecualian cukai diberi ke atas pendapatan yang diperolehi pelumba kereta F-1 dan lain-lain perlumbaan bermotor diiktiraf yang diadakan di Malaysia.

Penganjur perlumbaan F-1 serta lain-lain perlumbaan bermotor pula diberi pengecualian cukai sebanyak 50 peratus ke atas pendapatan yang diperolehinya.

Pengarah Urusan Two Wheels Motor Racing Sdn Bhd (TWMR), Sam Hogg, berkata cadangan pengecualian itu perlu mencipta keuntungan dan faedah kepada rakyat tempatan dan tidak semuanya dibolot pihak luar.

"Mengenai pengecualian pendapatan kepada pemandu F-1, Malaysia belum mempunyai pemandu tapi mungkin promoter boleh memperolehi bonus tambahan daripadanya," kata Hogg.

Seorang pegawai Malaysia Airports Berhad (MAB), yang enggan namanya disiarkan, berkata mungkin lebih baik jika penaja yang selama ini memberi sumbangan bagi menjayakan acara sukan motor mendapat pengecualian cukai ke atas jumlah wang yang disalurkan.

"Sebagai contoh jika satu syarikat memberi sumbangan RM2 juta, mereka boleh mendapat pengecualian berganda, iaitu RM4 juta. Namun, langkah kerajaan ini perlu dialu-alukan kerana dapat meningkatkan minat orang ramai terhadap sukan ini."

Sementara itu, seorang promoter persendirian berkata pengecualian cukai yang diberikan penganjur perlumbaan F-1 dan Grand Prix Motosikal kurang bermakna kerana tidak ramai yang meraih keuntungan kecuali promoter di Britain, Jerman dan Jepun.

"Saya fikir Malaysia mungkin boleh meraih kira-kira AS\$5 juta menerusi tiket ketika menganjurkan perlumbaan F-1 berbanding jumlah lebih besar yang biasanya diraih oleh promoter di luar negara selama tiga hari acara diadakan."

(END)